



DATUK Hussein Onn kelihatan begitu gembira sekali ketika berbual mesra dengan para peniaga bumiputera di Pasar Kampung Datuk Keramat sejeurus selepas beliau merasmikan Bandar Baru Kampung Datuk Keramat semalam.

Skim pinjaman utk b-putera di Wilayah akan dilancar

MINGGUAN
MALAYSIA
24. 7. 1977

SATU skim pinjaman baru dengan peruntukan permulaan lebih 55 juta akan dilancarkan tidak lama lagi khusus untuk membantu kaum bumiputera di kampung-kampung sekitar Wilayah Persekutuan menajutkan tanah-tanah yang dimiliki oleh mereka.

Datuk Hussein Onn ketika mengumumkan demikian hari ini berkata, skim itu nanti akan membolehkan sebahagian besar penduduk bumiputera yang tidak berkemampuan mengadakan projek-projek di atas tanah mereka sendiri dan dengan itu menggerakkan kegiatan ekonomi di kawasan masing-masing.

Ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk memperseimbangkan kemajuan pusat Bandaraya Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya dengan membina dan membangun semula kampung-kampung tersebut supaya lahir sebagai bandar-bandar kecil yang boleh mengambil bahagian secara langsung dalam kegiatan ekonomi Bandaraya ini.

Datuk Hussein berkata usaha-usaha yang dijalankan ini akan menjadi contoh dan teladan pula bagi bandaraya-bandaraya lain di seluruh negara.

Berucap merasmikan Pusat Bandar Kampung Datuk Keramat di sini pagi ini, Perdana Menteri memberitahu bahawa skim itu nanti yang

KUALA LUMPUR,
23 JULAI

akan dikelola oleh Dewan Bandaraya boleh membantu bumiputera membina unit-unit kedai atau tambahan bangunan yang boleh disewakan atau digunakan untuk perusahaan sendiri.

"Dengan jalan ini mereka dapatlah menikmati pendapatan tambahan bagi menampung cara hidup yang begitu tinggi di Bandaraya ini. Ia juga akan menjamin tanah-tanah mereka tidak berpindah ke ta-

ngan orang lain," kata beliau.

Datuk Hussein Onn berkata banyak kawasan-kawasan yang berhampiran dengan pusat Bandaraya yang masih ketinggalan zaman walaupun ia tidak dalam kawasan Wilayah Persekutuan.

Kebanyakan kawasan itu, kata beliau, masih lagi ber taraf kampung-tidak mempunyai kemudahan-kemudahan yang sempurna walaupun mempunyai potensi yang

LIHAT MUKA 29
(Penerusan 1)

USWAHUSWAH

sangat besar untuk menjadi ~~aksi-aksi~~ pembangunan kawasan Wilayah Persekutuan.

Bellau berkata, "kampung-kampung pada keseluruhannya, seperti Kampung Bharu, Gombak, Jinjang dan Sungai Pencala dan beberapa kawasan yang lain adalah kampung-kampung lama yang perlu diberi perhatian secepat secepatnya untuk meninggikan taraf kediaman di situ.

Datuk Hussein berharap usaha-usaha akan dijalankan untuk mengkaji secara teliti dan melaksanakan dengan secara lebih tegas sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru agar usaha-usaha ini menjadi contoh dan tauladan bagi bandaraya-bandaraya yang lain di seluruh negara.

Katanya, "dalam perkembangan pembangunan Kuala Lumpur, usaha-usaha hendaklah dijalankan juga untuk menentukan supaya bumiputera mengambil bahagian yang lebih aktif dan berkesan".

Beliau berharap Dewan Bandaraya bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain akan menyediakan beberapa kemudahan serta mengaturkan program yang sistematik dan projek-projek yang berkesan.

Masalah perumahan bagi mereka yang berpendapatan rendah hendaklah juga diberi perhatian berat supaya mereka dapat hidup dalam keadaan lebih sempurna dan sistem pengangkutan awam untuk mereka hendaklah juga diperbaiki.

Bagaimanapun, "sambil kita mempromodkan bandaraya ini dari segi sains dan teknologi, kita juga hendaklah mengekalkan identitinya yang tersendiri supaya unsur-unsur sejarah, kebudayaan dan kesenian bangsa akan dapat terus dikekalkan serta diperkayakan".